

## **Contoh Karangan Kepentingan Hutan**

Hutan merupakan sebahagian daripada ekosistem global yang menampung serta memperkayakan kehidupan manusia. Ekosistem hutan mempunyai kitaran yang kompleks yang melibatkan air, tanah, atmosfera, tumbuhan dan fauna. Hutan yang terdapat di seluruh dunia dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis. Antaranya ialah hutan hujan tropika, hutan bakau, hutan pokok tirus, hutan pokok daun luruh dan sebagainya. Seiring dengan pembangunan semasa, hutan kita kini diancam atas nama pembangunan. Terdapat banyak kepentingan hutan yang kita perlu pelihara bersama.

Kepentingan pertama ialah, hutan merupakan habitat flora dan fauna. Terdapat pelbagai jenis hidupan liar dan burung-burung serta spesies tumbuhan yang berharga di hutan. Contohnya, hutan hujan tropika Malaysia mempunyai 14,500 spesies yang mana 6000 spesies berpotensi menjadi sumber perhutanan. Hutan juga menjadi habitat kepada 600 spesies burung, 800 spesies tumbuh-tumbuhan, 200 spesies binatang liar, 210 spesies mamalia, 150 spesies katak, 140 spesies ular, 80 spesies cicak dan sejumlah besar spesies serangga serta hidupan liar. Oleh sebab itulah, hutan mestilah dipelihara untuk mengelakkan kepupusan flora dan fauna yang boleh menjejaskan ekosistem di dunia.

Hutan juga penting sebagai unsur yang boleh mengurangkan pencemaran udara dan mengawal edaran gas oksigen dan karbon dioksida. Bagi tumbuhan pula, gas karbon dioksida adalah diperlukan sebagai alat untuk memproses makanannya. Dalam proses membuat makanan ini, tumbuhan hijau akan menyerap gas karbon dioksida dan melepaskan gas oksigen sebagai hasil sampingan daripada proses itu. Dengan adanya tumbuhan hijau yang kebanyakannya di kawasan hutan, maka keseimbangan kedua-kedua gas dalam udara akan dapat dikekalkan.

Selain itu, hutan juga penting bagi membekalkan pelbagai bahan mentah bagi kegunaan beberapa industri desa. Contohnya, rotan digunakan dalam industri perabot dan mengkuang pula digunakan untuk menghasilkan tikar, bakul. Sementara itu, kayu bakau digunakan sebagai arang batu dan tiang sebagai bahan cerucuk dalam pembinaan. Hasil hutan bakau seperti daun nipah yang bersaiz besar dan mudah dilentur digunakan dalam penganyaman tikar, atap dan bakul. Ini membuktikan hutan membekal banyak bahan mentah untuk kegunaan dalam kehidupan harian manusia. Sekiranya hutan tidak dipelihara, sumber bahan mentah ini akan berkurangan.

Tambahan pula, hutan juga penting sebagai unsur yang boleh mengawal banjir, hakisan tanah dan tanah runtuh. Daun-daun pokok akan mengurangkan kesan titisan air ke permukaan tanah dan akan mengurangkan kesan hakisan tanah. Akar-akar pokok di dalam hutan yang terdapat di tanah-tanah tinggi tersebut juga akan mengikat dan menahan sebahagian daripada air hujan itu daripada mengalir deras turun ke tanah rendah. Ini dapat menghalang daripada berlakunya tanah runtuh daripada berlaku dan mengelakkan berlakunya kemalangan jiwa.

Kesimpulannya, hutan terbukti sangat penting kepada kehidupan manusia. Pelbagai usaha secara konsisten dan sistematik perlu dilakukan agar penerokaan hutan dan pencerobohan secara haram dapat dibanteras. Tindakan undang-undang yang lebih berat harus dikenakan kepada mereka yang cuba memusnahkan hutan. Kita tidak mahu dalam usaha kita mengejar pembangunan, kita terpaksa memusnahkan alam semulajadi secara rakus.

## Contoh Karangan Persediaan Alam Kerjaya

Sebaik sahaja mendapat keputusan SPM, golongan remaja di negara kita akan meneruskan kehidupan di luar persekolahan. Bagi yang mendapat keputusan baik, mereka akan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang. Mereka yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan atau faktor desakan hidup akan mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan. Terdapat beberapa persediaan yang perlu dipertimbangkan dalam memilih kerjaya yang diminati.

Persediaan penting dalam menghadapi alam kerjaya adalah dengan melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah meliputi kemahiran komunikasi, mempunyai pemikiran kritis, dan kemahiran menyelesaikan masalah. Aspek ini amat dititikberatkan oleh pihak majikan dalam memilih calon pekerja mereka. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu mahir dalam berkomunikasi, sudah tentu dia tidak akan menghadapi masalah sewaktu proses temu duga tawaran pekerjaan yang diadakan oleh mana-mana pihak. Tegasnya, kemahiran insaniah merupakan perkara yang paling utama perlu dikuasai oleh golongan remaja dalam memilih kerjaya yang diminati.

Seseorang yang bakal menempuh alam kerjaya juga perlu mempunyai daya saing yang tinggi. Ini kerana pemuda-pemudi hari ini bakal berhadapan dengan dunia yang kian mencabar. Contohnya, remaja yang mempunyai daya saing yang tinggi ialah golongan yang mempunyai sifat tidak berputus asa dan gigih berusaha mencapai kejayaan. Apabila sifat ini mampu dikekalkan dalam apa jua situasi, peluang untuk mencapai kejayaan akan sentiasa ada. Jelaslah bahawa seseorang perlu mempunyai daya saing yang tinggi dalam memilih kerjaya yang diminati agar tidak terlepas mendapat peluang keemasan.

Untuk menghadapi alam kerjaya, seseorang juga perlu mempunyai kelayakan akademik yang tinggi. Dengan kelayakan ini, peluang untuk seseorang mendapat kerjaya yang sesuai akan lebih luas. Sebagai contoh, golongan yang mempunyai kelulusan yang tinggi dalam bidang kejuruteraan, bukan sekadar mempunyai peluang untuk menjadi seorang jurutera, malahan berpeluang berkhidmat dalam sektor awam, menjadi pensyarah, kontraktor kelas tinggi dan menceburi perniagaan dalam bidang tersebut. Apabila berjaya mendapat peluang tersebut, sudah tentu akan menjanjikan pendapatan yang selesa bagi meneruskan kehidupan. Ini ternyata bahawa dengan kelayakan akademik yang tinggi, mampu membuka peluang yang lebih luas kepada seseorang untuk menceburi kerjaya yang diminati.

Selain itu, seseorang yang ingin memasuki alam kerjaya juga perlu membuat melakukan persiapan mental. Apabila kita melangkah kearah alam kerjaya, kita perlu menjadi seorang yang lebih berdikari. Kita juga terpaksa belajar untuk menjalankan kehidupan sendiri, menguruskan kewangan dan juga menguruskan diri. Cabaran dalam pekerjaan juga lebih mencabar daripada cabaran sebagai seorang pelajar. Walaubagaimanapun, semua masalah ini dapat diselesaikan jika kita mempunyai pemikiran yang bersedia dalam menghadapi segala cabaran. Misalnya, seseorang mestilah mampu menghadapi stres di tempat bekerja atau di rumah tanpa mempengaruhi prestasinya dalam menjalankan tugasnya.

Kesimpulannya, terdapat banyak persediaan yang perlu dilakukan sebelum memasuki alam kerjaya. Alam kerjaya sememangnya lebih mencabar yang menuntut seseorang untuk melakukan pelbagai persediaan. Walau bagaimanapun, kita perlulah menghadapi dengan berani kerana cabaran-cabaran inilah yang bakal menjadikan kita seorang manusia yang lebih kuat dan kental. Ini bagi memastikan kita menjadi pekerja ideal pada masa hadapan dengan memiliki kemahiran dan kelayakan yang bersesuaian dengan bidang tugas yang dipilih.

## **Contoh Karangan Kepentingan Pengangkutan Awam**

Pengangkutan awam merupakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memudahkan orang ramai bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Pengangkutan awam yang ada di Malaysia antaranya ialah bas, kereta api, teksi, dan kapal terbang. Kemudahan ini disediakan tidak terhad di kawasan bandar sahaja tetapi juga di kawasan luar bandar. Kemudahan tersebut boleh digunakan oleh orang ramai ke destinasi yang dituju. Pelancong juga boleh menggunakan pengangkutan awam untuk menuju ke sesuatu tempat yang ingin dilawati. Terdapat banyak kepentingan pengangkutan awam yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai.

Pengangkutan awam penting bagi memudahkan urusan seharian masyarakat. Sebagai contoh, pengangkutan awam boleh digunakan oleh murid-murid untuk pergi ke sekolah. Orang ramai pula boleh menggunakan pengangkutan awam untuk pergi ke pasar ke tempat kerja. Dengan adanya pengangkutan awam ini, urusan orang ramai untuk pergi ke destinasi yang ingin dituju akan lebih mudah dengan adanya pengangkutan awam. Malah, pengangkutan awam mengenakan tambang yang murah berbanding dengan penggunaan kenderaan yang lain.

Selain itu, pengangkutan awam dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas. Penggunaan pengangkutan awam mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas yang dihadapi terutamanya di kawasan bandar. Ini kerana jika orang ramai menggunakan pengangkutan awam, mereka akan kurang menggunakan kenderaan persendirian. Kesannya, jumlah kenderaan yang ada di jalan raya akan berkurangan dan kesesakan jalan raya dapat diminimakan. Ini juga dapat menjimatkan masa untuk menuju ke sesuatu tempat terutamanya ketika ingin pergi ke tempat kerja. Oleh itu, kesesakan jalan raya dapat dikurangkan dengan adanya pengangkutan awam di dalam sesebuah negara.

Di samping itu, pengangkutan awam dapat mengurangkan masalah pencemaran udara. Ini kerana apabila orang ramai menggunakan pengangkutan awam, asap kenderaan akan kurang dilepaskan ke udara. Apabila asap kenderaan banyak dilepaskan, ini akan menyebabkan udara tercemar yang akan menjejaskan kesihatan. Tambahan pula, asap yang tercemar terkandung berbagai-bagai jenis gas beracun. Ini boleh mengakibatkan kesihatan orang ramai terjejas dan akan mengganggu aktiviti harian seseorang. Oleh itu, pencemaran udara boleh dikurangkan melalui penggunaan pengangkutan awam oleh orang ramai.

Seterusnya, pengangkutan awam juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan. Hal ini kerana dengan adanya pengangkutan awam, ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang ramai. Sebagai contoh, pengangkutan awam seperti bas memerlukan ramai pemandu bas untuk memastikan bas beroperasi. Begitu juga dengan kereta api yang memerlukan kakitangan teknikal untuk menjalankan penyelenggaraan bagi memastikan kereta api tersebut berjalan dengan baik. Ini sekaligus memberikan peluang pekerjaan orang ramai terutamanya generasi muda di stesen-stesen kereta api yang ada. Peluang pekerjaan ini dapat mengurangkan kadar pengangguran di dalam negara. Oleh itu, pengangkutan awam terbukti mampu memberikan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada orang ramai.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kepentingan pengangkutan awam yang boleh dinikmati oleh orang ramai. Oleh itu, semua pihak hendaklah memanfaatkan penggunaan pengangkutan awam yang disediakan dengan sebaik mungkin. Semua pihak perlulah menggunakan pengangkutan awam dengan bertanggungjawab bagi memastikan pengangkutan awam kita sentiasa berada dalam keadaan yang baik.